



Ruj: KKM.500/3/4/9 Jld.9 (32)

Tarikh: 29 Ogos 2019

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BAGI PERMOHONAN KEMUDAHAN BIASISWA LEE KUAN YEW SCHOOL OF PUBLIC POLICY

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat untuk memohon kemudahan penajaan **Biasiswa Lee Kuan Yew School of Public Policy** bagi peringkat pengajian sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D). Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) bermula **27 Ogos 2019 sehingga 13 September 2019**.

3. Semua permohonan mesti memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam surat edaran **JPA (I) S.179/17/2-11Jld.3(4)** bertarikh 27 Ogos 2019 dan boleh dimuat turun di laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.

4. Calon perlu melayari dan memohon secara dalam talian melalui portal JPA seperti yang tersebut di atas. Tarikh tutup permohonan secara dalam talian di portal JPA adalah pada **13 September 2019**, namun calon di **Kementerian Kesihatan Malaysia** perlu mengemukakan permohonan ke **Bahagian Pengurusan Latihan** sebelum atau pada **13 September 2019** untuk tindakan Bahagian ini selanjutnya.



5. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon-calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**

6. Calon perlu melengkapkan dan menghantar (dalam 2 salinan):-

- i. Borang Permohonan Online JPA yang dicetak daripada sistem permohonan <http://esilav2.ipa.gov.my> serta borang-borang seperti berikut:
 - a) Borang JPA(L)LDP 1A/96 – **(Lampiran B)**
 - b) Borang JPA(L)LDP 1B/96
 - c) Perakuan Ketua Jabatan – **(Lampiran C)**
- ii. Salinan Kad Pengenalan;
- iii. Salinan Sijil Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip yang telah disahkan);
- iv. Salinan passport yang disahkan;
- v. *Curriculum vitae* (**dalam Bahasa Inggeris**);
- vi. *Statement of Purpose* (**dalam Bahasa Inggeris**)
 - Pernyataan daripada pihak tuan/puan berhubung alasan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana serta ekspektasi tuan/puan dari penajaan ini dalam pembangunan kerjaya; dan
- vii. Salinan TOEFL/IELTS/CEFRL (**sekiranya ada**)
- viii. Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan yang terkini dan disahkan.

Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar sebelum atau pada **13 September 2019** kepada:-

Program Kepakaran 2
Cawangan Pentadbiran dan Pengurusan Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: En. Mohd Akbal Bin Ghazali)

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZLAN BIN AHMAD)
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

